

**MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN DEWAN PERNIAGAAN DAN
PERINDUSTRIAN KEBANGSAAN MALAYSIA (NCCIM)
HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR, 11 MARCH 1987**

Yang Berbahagia Dr. Nawawi Mat Awin, Yang Di-Pertua NCCIM; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia yang telah menjemput saya ke Majlis Makan Malam Tahunan Pertubuhan ini. Saya percaya majlis jamuan tahunan ini akan merapatkan hubungan sesama sendiri serta meningkatkan lagi aktiviti perniagaan dan perusahaan di negara kita.

2. Saya pernah menyuarakan di majlis seperti ini yang lalu supaya NCCIM mengadakan perbincangan dan majlis jamuan untuk ketua-ketua negara asing dan rombongan mereka yang melawat Malaysia. Semasa atau selepas jamuan, perbincangan boleh diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan mendapat peluang-peluang perdagangan dan perusahaan baru dengan para pengusaha dan ahli perniagaan negara asing. Saya sangat gembira oleh kerana NCCIM telah berbuat demikian untuk beberapa delegasi yang telah melawat negara ini. Saya yakin NCCIM telah mendapat faedah daripada majlis jamuan seperti itu. Saya berharap aktiviti-aktiviti seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Ekonomi negara kita telah menempa pertumbuhan positif tahun lalu, walaupun hanya setengah peratus keluaran negara kasar. Ini merupakan satu petanda yang baik kalau dibandingkan dengan pertumbuhan negatif yang dialami bagi tahun sebelumnya iaitu tahun 1985. Bukan sahaja pertumbuhan positif tahun lalu yang seharusnya menggalakkan kita untuk berusaha lebih giat lagi, bahkan harga-harga barangan komoditi kita telah menunjukkan kenaikan yang menggalakkan.

4. Saya yakin ramai daripada tuan-tuan dan puan-puan telah maklum berkenaan dengan harga-harga barangan komoditi baru-baru ini. Walaupun ianya lebih rendah kalau dibandingkan dengan harga-harga sebelum tahun 1984, harga-harga yang meningkat baru-baru ini seharusnya dapat membantu usaha kita untuk memulihkan ekonomi negara. Apa yang kita harapkan ialah supaya harga barangan komoditi ini akan terus stabil dan mencapai paras harga yang memuaskan. Di samping itu kita tidak harus lupa bahawa bukan harga yang tinggi yang penting tetapi kurangnya kos pengeluaran daripada harga jualan. Untuk ini usaha bagi meningkatkan produktiviti dengan menurunkan kos mesti diutamakan.

5. Walaupun kedudukan ekonomi dua-tiga bulan lalu bertambah cerah, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang telah dilaksanakan beberapa tahun lalu bagi memulihkan kedudukan ekonomi negara kita. Kerajaan akan terus berwaspada mengenai perbelanjaan sektor awam. Di samping itu, Kerajaan juga

akan terus menggalakkan sektor swasta meningkatkan pelaburan, terutama dalam sektor perkilangan.

6. Salah satu strategi pembangunan ekonomi negara dalam jangka panjang ialah memajukan sektor perkilangan dan perindustrian, terutama untuk barangan eksport. Barangan-barangan perkilangan atau manufactures merupakan barangan eksport yang tertinggi sekali semenjak beberapa tahun yang lalu. Negara ini telah mengeksport kira-kira \$13.6 ribu juta pada tahun lalu dan jumlah ini dijangka meningkat kepada kira-kira \$15.2 ribu juta tahun ini. Daripada segi Keluaran Dalam Negara Kasar pula, barangan perkilangan merupakan yang kedua terbesar selepas keluaran sektor pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan. Ini menunjukkan barangan perkilangan mempunyai pengaruh yang semakin penting dalam ekonomi negara kita.

7. Ekonomi negara masih lagi sedikit sebanyak dipengaruhi oleh barangan komoditi, tetapi kita hendaklah terus mengambil langkah supaya negara kita dalam jangka panjang tidak lagi terlalu bergantung kepada barangan komoditi seperti getah, timah, kelapa sawit, kayu balak dan petroleum. Kita seharusnya sedar bahawa barangan komoditi semakin lama semakin berkurangan pengaruhnya di dalam pengeluaran barangan perindustrian. Antara sebab-sebabnya ialah penumpuan barangan ganti atau substitutes bagi barangan komoditi.

8. Dengan itu, walaupun kita masih bersandar dengan barangan komoditi, Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada sektor perkilangan dan sektor-sektor yang kita mempunyai potensi seperti pelancongan. Sebab itulah Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh bagi mengadakan beberapa galakan untuk para pengusaha menceburi sektor pembuatan, terutama bagi barangan-barang yang boleh kita eksport bagi meningkatkan lagi aliran tukaran asing ke negara ini.

9. Usaha memajukan sektor perkilangan akan berjaya dengan sokongan pihak swasta. Dengan penurunan kadar faedah pinjaman baru-baru ini, saya berharap pelaburan dalam sektor perkilangan akan meningkat dengan pesat oleh kerana kos pelaburan berkurangan. Saya juga berharap Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan dan Dewan-Dewan gabungan haruslah memberi galakan kepada para ahlinya meningkatkan pelaburan masing-masing dalam sektor ini.

10. Tahun lalu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meluluskan berbagai projek dengan cadangan modal pelaburan atau proposed capital investment berjumlah kira-kira \$5,165 juta. Saya perhatikan jumlah ekuiti tempatan hampir tiga per empat daripada jumlah ekuiti, dengan satu suku lagi daripada pelaburan asing.

11. Negara kita mempunyai potensi yang besar bagi sektor perkilangan ini diperkembangkan. Antaranya ialah pengeluaran komponen kereta Proton Saga, barangan elektrik dan eletronik dan barangan makanan. Para pelabur tempatan mestilah yakin bahawa mereka boleh menggunakan potensi ini bagi memastikan peratusan barangan perkilangan ini semakin meningkat supaya

ianya menjadi asas ekonomi pada masa depan. Ianya juga akan dapat mengurangkan kadar pengangguran yang kita alami pada masa ini. Di samping itu Kerajaan akan terus membantu sektor perkilangan di negara ini supaya ianya akan menjadi satu sektor yang dapat menggantikan industri barangan komoditi dan pada suatu masa kelak sebagai sektor utama ekonomi negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Negara kita masih lagi mengeksport barangan melalui negara ketiga terutama negara jiran. Eksport kita ke Singapura masih lagi yang kedua terbanyak di kalangan rakan-rakan perdagangan kita. Seperti yang kita semua maklum kebanyakan barangan yang dieksport ke negara itu akan dieskport semula ke negara-negara lain. Saya menyedari keadaan hari ini menunjukkan kedudukan yang lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya, tetapi improvement itu masih lagi tidak memuaskan. Adalah menjadi tugas para pedagang kita untuk mengeksport terus ke negara-negara asing supaya bukan sahaja keuntungan negara akan bertambah tetapi kita juga akan memperolehi pasaran dan lain-lain urusan eksport. Di samping itu penggunaan perkhidmatan insurans, perundingan dan sistem pengangkutan seperti perkapalan akan meningkat lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bercakap sedikit mengenai pengurusan NCCIM ini. Apa yang dapat saya perhatikan ialah sekretariat dewan-dewan gabungan seperti Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu, dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa adalah lebih kuat dan teratur dalam membuat penyelidikan dan pengumpulan data-data bagi membantu para ahli dewan masing-masing. Bagi badan kebangsaan NCCIM pula saya berpendapat usaha-usaha seperti ini haruslah diperkukuhkan lagi supaya segala maklumat yang dikumpul dapat digunakan dengan berkesan oleh ahli-ahli dewan gabungan.

14. NCCIM haruslah mempunyai sistem datanya sendiri yang dapat memberi maklumat yang lebih bermakna mengenai aktiviti-aktiviti ekonomi negara. Misalnya data yang mencukupi hendaklah diusahakan bagi mengesan aliran keluar tukaran wang asing yang berhubung rapat dengan akaun semasa bagi imbalan kewangan negara. NCCIM seharusnya terus memainkan peranannya bagi mengurangkan aliran keluar tukaran wang asing bagi pembayaran insurans, perundingan, pelancongan dan perkapalan.

15. Kita hendaklah yakin dengan keupayaan ekonomi negara ini. Hanya segelintir daripada para pengusaha dan pelabur tempatan yang tidak mempunyai keyakinan tentang keupayaan ekonomi kita akan pulih semula. Saya berharap ramai lagi para pengusaha akan mempunyai keyakinan dan kita semua harus memberi sumbangan terhadap memulihkan ekonomi negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa

Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia kerana menjemput saya ke majlis jamuan makan malam ini. Akhirnya saya mengucapkan salam sejahtera dan semoga kita semua terus berusaha untuk memajukan lagi negara kita ini.

Terima kasih.